# LIVE@PCUiTMCTKBB - SEGMEN BERSAMA PAKAR “NASIB SI PENYU DI PANTAI GANU (TERENGGANU)” 23 MEI 2021

Disediakan oleh : Mohd Shahnizam Mat Zain










*Sempena sambutan Hari Penyu Sedunia pada 23 Mei setiap tahun, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi membawakan topik ‘Nasib Si Penyu Di Pantai Ganu (Terengganu)” bagi membicarakan perihal penyu bagi memupuk kesedaran di kalangan orang awam berkenaan tentang kewujudan spesis terancam yang sedang di ambang kepupusan. Dengan menampilkan seorang pakar penyu daripada Fisheries Research Institute (FRI) Rantau Abang iaitu En. Nazuki Sulong, Pegawai Penyelidik yang berpengalaman 18 tahun dalam bidang penyu telah berkongsi banyak maklumat mengenai spesis ini yang telah wujud lebih dari 100 tahun dahulu. Haiwan yang diklasifikasikan sebagai sejenis reptilia ini mempunyai 7 jenis sahaja di dunia dan hanya 4 daripadanya boleh dijumpai di perairan Malaysia iaitu Penyu Belimbing, Penyu Agar, Penyu Karah dan Penyu Lipas. Menurut En. Nazuki, Penyu Belimbing hanya terdapat di Terengganu dan mendarat di Pantai Rantau Abang. Mengenali kitaran hidup dan sifat biologi spesis ini, penyu ini bertelur di pantai dan akan kembali semula selepas 2-8 tahun. Bagi memastikan hidupan marin kekal wujud, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh FRI dalam memastikan telur yang dihasilkan berjaya menjadi anak penyu dengan menggunakan kaedah penetasan in-situ, ex-situ dan kotak stirofoam. Pusat Penerangan dan Pengurusan Penyu juga telah diwujudkan di lokasi yang menjadi tempat pendaratan penyu di samping pelbagai kajian diadakan bagi menjamin hidupan ini terus terpelihara. Penyu juga tidak terlepas daripada pelbagai ancaman, ekoran itu banyak program kesedaran awam telah dianjurkan oleh FRI. Sebelum melabuhkan tirai, sebagai tanda sokongan terhadap program Read@UiTM, En. Nazuki sempat berkongsikan bahan bacaan yang sering digunakan oleh beliau sebagai bahan rujukan wajib beliau.*